




KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my



Rujukan : JPA.(S).600-1/3/17 (58)
Tarikh : 9 Januari 2025



Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/
Puan,*

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM)
CERAIAN U.P.6.1.2: DASAR BAHARU KEMAJUAN KERJAYA
LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan telah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024. Selaras dengan pekeling ini, salah satu penambahbaikan yang dilaksanakan adalah kemajuan kerjaya dalam perkhidmatan awam di bawah laluan Pakar Bidang Khusus.

3. Sehubungan itu, sebagaimana yang dinyatakan dalam pekeling tersebut, pelaksanaan kemajuan kerjaya secara laluan Pakar Bidang Khusus ini akan diperincikan melalui panduan berasingan iaitu di bawah **Pekeling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian U.P.6.1.2 – Dasar Baharu Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus.**

4. Ceraian UP.6.1.2 boleh dicapai melalui portal MyPPSM sebagai panduan untuk menjelaskan dasar dan pelaksanaan berhubung kemajuan kerjaya secara laluan Pakar Bidang Khusus. Ceraian ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.
5. Ketetapan ini juga turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)